

07 MAY 1999

Samy-Projek

KEMENTERIAN KERJA RAYA AKAN PASTIKAN PROJEK BERJALAN LANCAR

KANGAR, 7 Mei (Bernama) -- Kementerian Kerja Raya akan memastikan setiap projek yang dipertanggungjawabkan kepadanya dapat dilaksanakan mengikut jadual, kata menterianya, Datuk Seri S. Samy Vellu, hari ini.

Katanya, kementerian itu mempunyai tanggungjawab yang amat besar bagi melaksanakan ribuan projek bernilai RM3.6 bilion tahun ini.

Setakat ini, kementerian telah membelanjakan 10 peratus daripada peruntukan itu, katanya sebagai mengulas arahan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya setiap menteri wajib menghadiri mesyuarat dua kali seminggu bagi memantau projek pembangunan di bawah kementerian masing-masing.

Menurutnya, laporan prestasi kemajuan projek di bawah kementerian itu dilaporkan setiap bulan kepada jemaah menteri untuk diteliti.

Samy juga memberi amaran kepada para kontraktor bahawa mereka boleh disingkirkan daripada melaksanakan projek tertentu jika gagal melaksanakannya mengikut jadual tanpa alasan kukuh.

Menurutnya, kegagalan melaksanakan projek mengikut jadual boleh menjejaskan pembangunan negara dan kepentingan rakyat.

Beliau juga mengarahkan Jabatan Kerja Raya (JKR) supaya mempercepatkan proses pengeluaran tender.

Menteri Kerja Raya itu yang turut meninjau pembinaan projek lebuh raya Kuala Perlis-Changlun sepanjang lebih 20 kilometer di sini berpuas hati dengan kemajuan projek itu.

Katanya, projek bernilai RM254 juta yang mula dilaksanakan pada 15 Ogos 1997 itu kini telah mencapai kemajuan 50 peratus dan ia dijangka siap sepenuhnya pada 14 Ogos tahun depan.

Lebuh raya yang pertama di Perlis itu akan mengandungi 15 jambatan dan akan menghubungkan lebuh raya Utara-Selatan di Changlun, Kedah.

-- BERNAMA

AD zb